



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUNAAN PLATFORM VLE FROG DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH RENDAH

NORLIZA BINTI MOHAMED



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau penggunaan platform persekitaran pembelajaran maya atau *Virtual Learning Enviroment* (VLE) Frog dalam kalangan guru di sekolah rendah. Kajian ini mengukur tahap kegunaan, pengetahuan, minat dan kesediaan sumber terhadap penggunaan platform VLE Frog di sekolah rendah. Pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Kajian melibatkan 260 orang guru Bahasa Melayu di 26 buah sekolah rendah di Shah Alam, Selangor. Dalam kajian ini, instrumen soal selidik dengan empat skala likert digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Statistik deskriptif digunakan seperti min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Pengujian bagi hipotesis kajian dilaksanakan dengan menggunakan korelasi *pearson*. Analisis deskriptif mendapati tahap kegunaan ($M=2.69$; $SP=0.443$), pengetahuan ($M=2.94$; $SP=0.416$), minat ($M=2.79$; $SP=0.491$) dan kesediaan sumber ($M=2.77$; $SP=0.437$) terhadap penggunaan platform VLE Frog berada pada tahap sederhana. Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan sederhana yang signifikan antara pengetahuan dengan kegunaan ($r = 0.565$, $p<0.05$); antara minat dengan kegunaan ($r = 0.717$, $p<0.05$); dan antara kesediaan sumber dengan kegunaan platform VLE Frog ($r = 0.424$, $p<0.05$). Kesimpulan daripada kajian menunjukkan bahawa penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah adalah pada tahap sederhana. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi perlu ditekankan dalam kalangan guru bagi meningkatkan lagi penggunaan platform VLE Frog di sekolah rendah.





THE USE OF VLE FROG AMONG TEACHERS IN PRIMARY SCHOOLS

ABSTRACT

This research aims to review the usage of the Frog Virtual Learning Environment (VLE) among primary school teachers. The study looks into the level of usage, knowledge, interest as well as the availability of resources towards the use of Frog VLE in primary schools. The quantitative approach in the form of reviews was used in this research. The study involved 260 National Language teachers from 26 primary schools in Shah Alam, Selangor. In this research, a 4-point Likert scale was used in the questionnaire for the purpose of collecting data. Descriptive statistics were used to analyse the mean, standard deviation, frequency and percentage. The descriptive analysis showed that usage ($M=2.69$; $SD=0.443$), knowledge ($M=2.94$; $SD=0.416$), interest ($M=2.79$; $SD=0.491$) and availability of resources ($M=2.77$; $SD=0.437$), towards the use of Frog VLE were at an average level only. The findings from the research showed an average but significant positive relationship between knowledge and usage ($r = 0.565$, $p<0.05$); between interest and usage ($r = 0.717$, $p<0.05$); and between the availability of resources and the usage of Frog VLE ($r = 0.424$, $p<0.05$). In conclusion, the VLE Frog is only used at an average level among primary school teachers. The research implicates that skills in information technology and communication needs to be emphasized among teachers so as to increase the use of VLE Frog in primary schools.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Kerangka Konseptual	9
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Soalan Kajian	13

1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi Operasional	17
1.10.1	Kegunaan	
1.10.2	Pengetahuan	
1.10.3	Minat	
1.10.4	Kesediaan Sumber	
1.10.5	Platform VLE Frog	
1.11	Kesimpulan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE)	22
2.3	Platform VLE Frog	25
2.3.1	Perkembangan VLE Frog	25
2.3.2	Mengenal Persekitaran Platform VLE Frog	26
2.3.3	Ciri-Ciri Platform VLE Frog	29
2.3.3.1	Dashboard	30
2.3.3.2	Widget	31
2.3.3.3	Yes ID	31
2.3.3.4	Kawalan Pantas Frog Bar	31
2.3.3.5	Storan Awan Frog Drive	32
2.3.3.6	Aplikasi Pembelajaran Dalam Talian	32

2.3.3.7 Bernamaan Aplikasi	32
2.3.3.8 Pengurusan Menyeluruh	33
2.3.3.9 Sumber	33
2.4 Penggunaan Platform VLE Frog Dalam Pengajaran	33
2.4.1 VLE Frog Meningkatkan Pengajaran dan Pembelajaran	36
2.4.2 VLE Frog Meningkatkan Kontekstual Pembelajaran	39
2.5 Kajian Yang Telah Dijalankan	41
2.5.1 Pengetahuan Teknologi Maklumat Guru	41
2.5.2 Kesediaan Guru dalam Penggunaan Teknologi	45
2.5.3 Kesediaan Sumber Dalam Pembelajaran Multimedia	47
2.5.4 Minat Guru Terhadap Teknologi Maklumat	49
2.6 Teori Yang Mendasari Kajian Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE FROG)	52
2.6.1 Theory of Reasoned Action (TRA)	53
2.6.2 Technology Acceptance Model (TAM)	56
2.7 Kesimpulan	57

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	59
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	60
3.4 Instrumen Kajian	63
3.4.1 Soal Selidik	64

3.5	Kajian Rintis	66
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	68
3.6.1	Kesahan Borang Soal Selidik	68
3.6.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik	69
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	70
3.8	Prosedur Analisis Data	71
3.9	Kesimpulan	75

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	76
4.2	Analisis Maklumat Demografi Responden	77
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	77
4.2.2	Kelayakan Akademik	78
4.2.3	Pengalaman Mengajar	79
4.2.4	Jenis Sekolah	80
4.3	Analisis Responden Terhadap Soal selidik	81
4.3.1	Analisis Tahap Kegunaan Platform VLE Frog Dalam Kalangan Responden	83
4.3.2	Analisis Tahap Pengetahuan Platform VLE Frog Dalam Kalangan Responden	87
4.3.3	Analisis Tahap Minat Platform VLE Frog Dalam Kalangan Responden	90
4.3.4	Analisis Tahap Kesediaan Sumber Platform VLE Frog Di Sekolah Rendah	93

4.3.5	Analisis Tahap Kegunaan, Pengetahuan, Minat dan Kesiediaan Sumber Di sekolah Rendah	96
4.3.6	Analisis Hubungan Antara Pengetahuan dengan Kegunaan Platform VLE Frog Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah	98
4.3.7	Analisis Hubungan Antara Minat dengan Kegunaan Platform VLE Frog Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah	100
4.3.8	Analisis Hubungan Antara Kesiediaan Sumber dengan Kegunaan Platform VLE Frog Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah	102
4.4	Kesimpulan	104

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	105
5.2	Perbincangan kajian	106
5.2.1	Tahap Kegunaan Platform VLE Frog Guru Sekolah Rendah	106
5.2.2	Tahap Pengetahuan Guru Sekolah Rendah dalam Penggunaan Platform VLE Frog	107
5.2.3	Tahap Minat Guru Sekolah Rendah dalam Penggunaan Platform VLE Frog	109
5.2.4	Tahap kesiediaan Sumber Platform VLE Frog di Sekolah Rendah	110
5.2.5	Hubungan antara Pengetahuan dengan Kegunaan Platform VLE Frog Guru Sekolah Rendah	111
5.2.6	Hubungan antara Minat dengan Kegunaan Platform VLE Frog Guru Sekolah Rendah	112
5.2.7	Hubungan antara Kesiediaan Sumber dengan Kegunaan Platform VLE Frog Guru Sekolah Rendah	113
5.3	Rumusan kajian	114

5.4	Cadangan kajian Lanjutan	116
-----	--------------------------	-----

5.5	Kesimpulan	118
-----	------------	-----

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan,(1970)	62
3.2	Taburan item mengikut aspek penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru di sekolah rendah.	64
3.3	Skala Likert Empat Mata	66
3.4	Item positif dan negatif setiap konstruk VLE Frog	67
3.5	Nilai Alfa keseluruhan bagi konstruk kegunaan, pengetahuan, minat VLE Frog dan kesediaan sumber.	70
3.6	Penentuan Tahap	73
3.7	Hubungan Nilai Pekali	74
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	78
4.2	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	79
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	80
4.4	Taburan Responden Mengikut Jenis sekolah	81
4.5	Persepsi Responden Terhadap Kegunaan Platform VLE Frog	84
4.6	Persepsi Responden Terhadap Pengetahuan Platform VLE Frog	88
4.7	Persepsi Responden Terhadap Minat Dalam Menggunakan Platform VLE Frog	91
4.8	Persepsi Responden Terhadap Kesediaan Sumber di Sekolah Rendah	94
4.9	Analisis Min Tahap Kegunaan, Pengetahuan, Minat dan Kesediaan Sumber Platform VLE Frog	97



4.10	Statistik Deskriptif Pengetahuan dan Kegunaan	98
4.11	Hubungan antara Pengetahuan dengan Kegunaan Platform VLE Frog	99
4.12	Statistik Deskriptif Minat dan Kegunaan	100
4.13	Hubungan antara Minat dengan Kegunaan Platform VLE Frog	101
4.14	Statistik Deskriptif Kesiediaan sumber dan Kegunaan	102
4.15	Hubungan Antara Kesiediaan Sumber dengan Kegunaan Platform VLE Frog	103





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	11
2.1 Gambaran Keseluruhan Persekitaran VLE Frog	27
2.2 Theory of Reasoned Action (Ajzen&Fishbein, 2005)	55
2.3 Technology Acceptance Model (Davis, 1993)	56



**SENARAI SINGKATAN**

APDM	Aplikasi Pangkalan Data Murid
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BTPN	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri
HOTS	Higher Order Thinking Skills
ICT	Information and Communication Technology
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPI	Key Performance Indicator
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SCORM	Sharable Content Object Reference Model
SJK (C)	Sekolah Jenis kebangsaan Cina
SJK (T)	Sekolah Jenis kebangsaan Tamil
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SPSS	Statistical Package For Sosial Science





TAM

Technology Acceptance Model

TRA

Theory of Reasoned Action

UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

VLE

Virtual Learning Enviroment

YTL Communication

Yeoh Tiong Lay Communication





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Senarai Nama sekolah Yang Terlibat Dalam kajian
- C Nilai Korelasi Skor item dengan Jumlah Skor bagi Konstruk VLE Frog





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) dalam bidang pendidikan semakin berleluasa. Ramai pihak telah memperkenalkan kaedah pendidikan yang bersumberkan teknologi dan internet bagi kegunaan para guru. Hal ini secara tidak langsung telah memberi cabaran kepada para guru untuk meningkatkan bidang perguruan. Oleh yang demikian, guru perlu mempunyai kesediaan untuk melaksanakan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dengan lebih berjaya. Di samping kelengkapan teknologi dan infrastruktur yang dibekalkan oleh pihak kementerian di sekolah bagi tujuan mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran.





Dalam hal ini, *Virtual Learning Enviroment* (VLE) Frog telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai platform pembelajaran dan pemudahcaraan guru, murid, pentadbir khususnya, termasuklah ibu bapa. Pada awal pelaksanaan *Virtual Learning Enviroment* (VLE) Frog, didapati kurang penggunaan di kalangan komuniti guru dan murid. Situasi ini berlaku kerana pendedahan platform VLE Frog yang tidak menyeluruh ke seluruh sekolah-sekolah di Malaysia.

Namun demikian, setelah beberapa tahun pelaksanaan platform VLE Frog, dapatan kajian telah mendapati bahawa wujudnya masalah penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru. Masalah penggunaan platform VLE Frog dilihat daripada aspek kegunaan, kekurangan pengetahuan, kesediaan sumber, dan minat di kalangan guru. Oleh yang demikian, item-item ini telah dijadikan asas atau konstruk dalam kajian untuk mengkaji tahap konstruk dan hubungan dengan kegunaan platform VLE Frog.

Menurut Wang Han & Yang (2015), sesuatu sistem perubahan yang berjaya bergantung kepada komunikasi dan kerjasama yang seimbang melalui gabungan yang mantap daripada semua pihak. Dalam hal ini, penggunaan Platform VLE Frog adalah satu perubahan teknologi dalam sistem pendidikan negara kita, walaupun di negara lain telah lama mengamalkan dan melaksanakannya. *Information and Communication Technology* (ICT) kini, begitu pesat berkembang yang mampu menjana dan mengubah dunia pendidikan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bermatlamat menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Sehubungan dengan itu, Kementerian berusaha meningkatkan kemahiran ICT dalam kalangan guru bagi memastikan guru cekap dan bijak dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan internet semakin meluas dari masa ke semasa (Noraini, Mohd & Jamil, 2010). Pembelajaran maya yang menggunakan internet turut berleluasa pada masa kini. Setiap pelajar perlu mendapat pendidikan yang bermutu dan integrasi teknologi masa kini (KPM, 2012)

Bagi mencapai matlamat tersebut, sebuah projek 1BestariNet telah diperkenalkan. Projek ini adalah hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak Yeoh Tiong Lay (YTL) *Communication*. Melalui projek berkenaan, sejumlah 10 000 buah sekolah rendah dan menengah akan diberi capaian internet berkelajuan tinggi tanpa wayar 4G. Hal ini membolehkan pihak sekolah menjalankan pengurusan dari aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), pentadbiran dan kolaborasi dengan menggunakan platform VLE Frog.

Platform VLE Frog menyediakan satu persekitaran pembelajaran maya yang mudah dan tidak terikat. Sebuah platform berasaskan awan (*cloud-based*). Maklumat dan fail *soft copy* disimpan di storan awan (*cloud storage*) dan boleh digunakan dengan talian internet tidak kira masa dan hari. Pada Mac 2012, VLE Frog telah dilancarkan dan dilaksanakan bersama dengan rangkaian 1BestariNet yang berfungsi





sebagai komuniti pembelajaran bagi seluruh warga sekolah. Bermula Disember 2011, kemudahan ini dibangunkan secara berperingkat dan dijangka pada pertengahan 2013, semua sekolah kerajaan dapat menerima capaian internet dan *Virtual Learning Enviroment* (VLE) Frog.

Bagi memenuhi matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu memanfaatkan ICT dalam kalangan guru, sebuah platform pembelajaran maya Frog telah diperkenalkan dan disediakan bagi memudahkan kerja guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Kaedah pengajaran dan pembelajaran ini adalah lebih baik, berkesan dan menarik berbanding dengan kaedah tradisional yang bersifat konvensional iaitu berpusatkan guru dan di dalam kelas sahaja.. Guru mudah memberi bahan dan tugas kepada murid. Semakan hasil kerja murid juga lebih pantas dengan capaian internet. Selain itu, ibu bapa juga mudah memeriksa perkembangan pembelajaran anak-anak mereka dari rumah sahaja.

Platform VLE Frog mempunyai fungsi utama dalam pengurusan akademik, pengurusan pentadbiran dan pengurusan komunikasi. Akses platform VLE Frog boleh dilakukan dengan menggunakan peranti elektronik seperti komputer, telefon pintar, *tablet* dan sebagainya dengan jaringan internet yang baik. Selain itu, platform VLE Frog dapat membentuk rakyat Malaysia yang berpengetahuan luas dan boleh berdaya saing dengan negara luar. Justeru, platform VLE Frog memudahkan pengurusan pentadbiran sekolah dengan cepat dan efisien.





Walaupun penggunaan platform VLE Frog di sekolah-sekolah Malaysia masih baru, namun pada peringkat pengajian tinggi sistem VLE Frog sudah lama dilaksanakan. Masalah atau halangan seperti kekurangan pengetahuan dalam mengendali alat ICT, minat, kesediaan sumber telah menyebabkan sistem ini berjalan tidak sempurna dan kurang lancar. Penyediaan kursus platform VLE Frog amat kurang untuk para guru pada masa ini (KPM, 2012).

Oleh itu, matlamat kajian dijalankan adalah untuk mengkaji penggunaan platform VLE Frog berdasarkan tahap konstruk kegunaan, pengetahuan, minat, dan kesediaan sumber, serta hubungan konstruk-konstruk tersebut dengan kegunaan. Penggunaan platform VLE Frog secara umum meliputi aspek pengajaran, penggunaan menyeluruh platform VLE Frog seperti mencari bahan atau info, melayari aplikasi atau pangkalan data Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS), Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), Utusan Online dan lain-lain.

Kajian dilaksanakan terhadap guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Petaling Perdana, Shah Alam negeri Selangor. Oleh itu, kajian ini dapat menyumbang maklumat yang jelas berkaitan tahap konstruk penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru. Di samping itu, menganalisis hubungan setiap konstruk dengan kegunaan platform VLE Frog.





1.3 Pernyataan Masalah

Bidang perguruan hari ini sangat mencabar yang menuntut golongan pendidik untuk bertanggungjawab bagi menjayakan program pendidikan negara yang telah dirancang dengan tujuan melahirkan pelajar celik ICT dan mencapai wawasan 2020. Guru seharusnya yakin dan tegas dalam menyebarkan dan menyampaikan maklumat secara berkesan kepada pelajar.

Namun demikian, tidak dinafikan sebilangan guru masih berminat pada kaedah lama atau tradisional. Kaedah konvensional masih menjadi amalan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejak dulu lagi (Tu Siew Leh, 2008). Kaedah konvensional atau kaedah tradisional yang masih berpusatkan guru, pengajaran dan pembelajaran hanya berlaku di dalam bilik darjah, *chalks and talks*, menggunakan bahan maujud yang sama telah menjadi amalan guru hingga ke hari ini. Amalan kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) ini kurang berkesan bagi mencabar minda murid. Guru perlu mengubah corak pengajaran yang berunsur teknologi yang lebih canggih dan menarik minat murid.

Perkara ini perlu diambil berat oleh guru kerana dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) menekankan perkara Standard 4: Pembelajaran dan pemudahcaraan, sangat mementingkan pelaksanaan PdPc guru. Komponen guru merancang pelaksanaan PdPc secara profesional dan sistematik terdapat dalam Standard Kualiti 4.1.1. Guru yang masih mengamalkan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah dikaji dan melihat





penyebab atau faktor yang mempengaruhinya. Guru hendaklah berubah corak pengajaran agar seiring dengan perubahan pendidikan di Negara kita.

Hasil kajian mendapati tahap penggunaan dan kesesuaian VLE Frog masih rendah dalam kalangan guru (Ila Husna, 2015). Masih terdapat guru-guru yang kurang berkeyakinan dalam mengintegrasikan ICT dalam melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pengetahuan guru untuk menguasai kemahiran ICT dan platform VLE Frog adalah sangat penting. Guru-guru masih kurang menguasai kemudahan ICT seperti komputer, alat pencetak LCD di sekolah. Permasalahan ini perlu diatasi segera supaya hasrat kerajaan tercapai untuk melaksanakan sistem pembelajaran ICT di sekolah.



Menurut kajian Suzlina Hilwani dan Jamaludin (2015), penggunaan bahan teknologi dalam PdP kurang berperanan dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Pendapat ini disokong oleh kajian Norhiza, Zamri & Wan Muna (2016), tidak semua guru menggunakan komputer di sekolah mereka. Oleh yang demikian, penggunaan ICT perlu dimaksimumkan dalam PdPc khususnya penggunaan platform VLE Frog. Justeru persoalan kajian ini hendaklah dikaji bagi melihat sejauh mana pengetahuan guru dapat meningkatkan penggunaan platform VLE Frog.

Selain itu, menurut Mohd Aizuddin (2013), mendapati bahawa guru yang mudah menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah mereka yang mahir dan menguasai platform VLE Frog. Penyampaian kemahiran isi pelajaran lebih pantas dan teratur kepada murid.





Kemudahan teknologi adalah sebab utama dan halangan bagi menyediakan tahap kesediaan guru melaksanakan platform VLE Frog dalam PdPc di sekolah. Kemudahan teknologi yang baik adalah aspek yang menentukan tahap kesediaan guru untuk melaksanakannya dalam pengajaran, (Areej, Agohail & Abdulrahman, 2011). Kekurangan sumber bukan sahaja melibatkan perkakasan dan perisian, tetapi peranan latihan menggunakan VLE Frog berperanan penting dalam penggunaannya dalam PdP (Moron-Garcia, 2006) .

Guru yang kurang pengalaman mengajar lebih bersedia untuk menggunakan kesediaan sumber, berbanding guru yang telah berpengalaman mengajar yang sukar untuk mengubah strategi atau kaedah mengajar. Namun begitu, guru lebih minat untuk meneruskan kaedah lama dalam pengajaran, ekoran daripada kekurangan kemudahan seperti tiada bilik akses komputer dan capaian internet yang rendah.



Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 mengenai prestasi dan pengurusan 1BestariNet telah menemui beberapa kelemahan (Jabatan Audit Negara, 2014). Salah satu kelemahan yang berkaitan dengan kajian ini adalah bahawa “Penggunaan VLE oleh guru, pelajar dan ibu bapa adalah sangat rendah iaitu antara 0.01% dan 4.69% “ (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014, p.213). Dapatan ini menunjukkan bahawa pulangan wang yang dilaburkan dalam 1Bestarinet tidak seperti yang diharapkan.

Namun demikian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha melengkapi kesediaan sumber tersebut di sekolah. Kadang kala, kesediaan sumber mencukupi tetapi kegunaan platform VLE Frog kurang memberangsangkan.





Hubungan ini perlu dikaji untuk mendapatkan keadaan sebenar penggunaan platform VLE frog dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah.

Terdapat kurangnya kajian berkaitan penggunaan Platform VLE Frog dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dalam kalangan guru sekolah rendah. (Ila Husna, 2015). Banyak kajian merujuk penggunaan atau amalan, pelaksanaan komputer, teknologi maklumat, aspek yang mempengaruhi multimedia di peringkat pengajian tinggi dan sekolah menengah. Adalah penting untuk mengetahui penggunaan Platform VLE Frog di sekolah rendah mencapai sasaran atau *Key Performance Indicator* (KPI) di peringkat daerah. Dalam erti kata lain, sejauh manakah pelaksanaan VLE Frog berjaya dalam kalangan guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah.



Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap kegunaan, pengetahuan, minat dan kesediaan sumber dalam menggunakan platform VLE Frog dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut mengkaji hubungan antara konstruk-konstruk dengan kegunaan terhadap penggunaan platform VLE Frog.

1.4 Kerangka Konseptual

Beberapa model telah dikenalpasti oleh pengkaji untuk membantu kajian ini dilaksanakan. Antara model yang berkaitan adalah lapan syarat yang menggalakkan pelaksanaan inovasi teknologi dalam pendidikan oleh Ely (1999), *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPCK) oleh Mishra dan Kehler (2008), Theory






Acceptance Model (TAM) diperkenalkan oleh Davis(1989), Technology Acceptance Model 2 oleh Vankatesh dan Davis (2000) dan kerangka teori dari Mainah Binti Juran, dan Ramesh Kumar muniandy Abdullah (2014).

Faktor sosiekonomi kurang berperanan dalam menyumbang penggunaan *Virtual Learning Enviroment* (VLE) Frog oleh guru sekolah rendah. Ini kerana batasan sosioekonomi, di mana setiap guru dan murid, tidak mengira taraf ekonomi boleh menggunakan sumber berkenaan. Kehadiran sumber teknologi adalah salah satu faktor utama dalam menyediakan tahap kesediaan guru menggunakan platform VLE Frog dalam PdPc.

Berdasarkan analisis literasi, didapati bahawa empat konstruk yang sesuai dijadikan sebagai dimensi kajian untuk menyiasat penggunaan platform VLE Frog ialah kegunaan, pengetahuan, minat dan kesediaan sumber terhadap penggunaan platform VLE Frog di sekolah rendah di daerah Petaling perdana.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian iaitu penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru di sekolah rendah. Kajian meneliti empat konstruk iaitu kegunaan, pengetahuan, minat dan kesediaan sumber. Di samping melihat hubungan setiap konstruk dengan kegunaan.





Rajah 1.1 Kerangka konsep kajian diubahsuai berdasarkan kerangka teori Mainah Juran, dan Ramesh Kumar Muniandy Abdullah (2014), Venkatesh dan Davis (2000), Ely (1999); Mishra dan Koehler (2008)



1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian untuk mengetahui penggunaan platform VLE Frog oleh guru sekolah rendah. Berikut adalah objektif-objektif khusus kajian :-

- 1.5.1 Menenal pasti tahap kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah.
- 1.5.2 Menenal pasti tahap pengetahuan platform VLE Frog guru sekolah rendah.
- 1.5.3 Menenal pasti tahap minat guru sekolah rendah dalam penggunaan platform VLE Frog.
- 1.5.4 Menenal pasti tahap kesediaan sumber platform VLE Frog di sekolah rendah.
- 1.5.5 Menenal pasti hubungan antara pengetahuan dengan kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah.
- 1.5.6 Menenal pasti hubungan antara minat dengan kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah.
- 1.5.7 Menenal pasti hubungan antara kesediaan sumber dengan kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah.





1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian ialah seperti berikut:

- 1.6.1 Apakah tahap kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah?
- 1.6.2 Apakah tahap pengetahuan platform VLE Frog guru sekolah rendah?
- 1.6.3 Apakah tahap minat guru sekolah rendah dalam penggunaan platform VLE Frog ?
- 1.6.4 Apakah tahap kesediaan sumber platform VLE Frog di sekolah rendah?
- 1.6.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah ?
- 1.6.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah ?
- 1.6.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan sumber dengan kegunaan platform VLE Frog guru sekolah rendah ?



1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol kajian ialah seperti berikut:

- 1.7.1 Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kegunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru sekolah rendah.
- 1.7.2 Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan kegunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru sekolah rendah.
- 1.7.3 Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan sumber dengan kegunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru sekolah rendah.





1.8 Kepentingan Kajian

Pembelajaran secara maya dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran murid. Pada tahap ini, murid dapat meningkatkan kefahaman dan seterusnya meningkatkan pencapaian murid. Murid bebas dengan gaya pembelajaran kerana ia dapat mengatasi pelbagai aras murid dalam pembelajaran mereka (Sidin & Mohamad 2007).

Kajian ini dapat membantu guru mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru tidak lagi mengamalkan kaedah konvensional dalam PdPc. Sebaliknya, berusaha menggabungkan kaedah ICT dalam PdPc. Guru hendaklah menggunakan teknologi maklumat dalam PdPc agar seiring dengan perkembangan pendidikan negara. Penyediaan bahan mengajar yang lebih cepat dan kos yang rendah.

Guru hanya perlu mengakses platform VLE Frog di mana sahaja dengan capaian internet untuk menyediakan aktiviti murid. Oleh itu, guru merancang dan menjadikan pembelajaran berbantu multimedia ini, sebagai panduan bagi menghasilkan sesi pembelajaran yang menarik dan berkesan. Guru dapat mempertingkatkan pengetahuan tentang dunia pendidikan dari masa ke semasa dengan menggunakan platform VLE Frog.





Pembelajaran secara maya mampu meningkatkan prestasi dan pencapaian sesebuah sekolah. Selain itu, meningkatkan persaingan dan kolaborasi melalui jaringan antara sekolah di Malaysia dan di dunia. Maklumat dapat dikongsi bersama seperti ilmu yang dapat meningkatkan daya saing yang positif di sekolah-sekolah rendah.

Selain itu, pihak sekolah dapat mengenal pasti kekurangan dan membuat penambahbaikan bagi memastikan tiada kepincangan berlaku dalam melaksanakan platform VLE Frog di sekolah. Kajian ini juga menjadi sumber rujukan kepada pihak sekolah untuk merancang seperti bengkel-bengkel VLE Frog bagi jangka masa pendek kepada guru-guru yang memerlukan.



Kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk memenuhi kekurangan kemudahan dan prasarana bagi memastikan platform VLE Frog dilaksanakan dengan baik. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat merancang pelan strategik untuk jangka masa pendek dan panjang bagi mempertingkatkan pelaksanaan dan penggunaan platform VLE Frog di sekolah-sekolah khususnya luar bandar dan pendalaman. Selain itu, membuat penambahbaikan daripada aspek kesediaan sumber, prasarana dan capaian internet yang menyeluruh di semua sekolah yang terdapat di Malaysia.





1.9 Batasan Kajian

Beberapa limitasi kajian perlu dijelaskan dalam menjalankan kajian ini. Pertama, lokasi kajian hanya terhad di daerah Petaling Perdana, Shah alam negeri Selangor sahaja. Tinjauan akan dibuat di Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK (C)) dan Sekolah Jenis kebangsaan Tamil (SJK (T)) sahaja.

Kedua, dilaksanakan terhadap guru-guru Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Petaling Perdana. Guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah bagi tahap 1 dan 2 menjadi pilihan pengkaji. Sejumlah 780 orang guru Bahasa Melayu di 90 buah sekolah yang terdapat di daerah Petaling Perdana.



Bagi menentukan saiz sample, Pengkaji merujuk jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan, (1970). Saiz sampel yang digunakan adalah sejumlah 260 orang guru di 26 buah sekolah sahaja. Kajian hanya di 26 buah sekolah sahaja kerana pengkaji tidak mempunyai masa atau kos bagi mengumpul daripada keseluruhan populasi. Justeru, pengkaji hanya memilih populasi yang benar-benar mewakili sampel. Di mana setiap sekolah akan diedarkan sebanyak 7 hingga 10 salinan soal selidik. Jumlah soal selidik yang dijangka edar kepada semua sekolah sebanyak 260 set. Populasi kajian dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah.





Kajian ini juga terhad kepada sebab dalaman seperti keinginan responden untuk memberi kerjasama dan menjawab soalan-soalan kaji selidik. Oleh itu, hasil kajian itu hanya diumumkan untuk sampel yang sama dengan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah di Malaysia.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa istilah bagi tujuan operasionalnya yang didefinisikan seperti berikut.

1.10.1 Kegunaan



Kegunaan adalah satu tingkah laku di mana seseorang akan melakukan aktiviti dengan menggunakan suatu alat atau sumber yang dibekalkan kepadanya. Pengetahuan dan keinginan belajar mengenai sumber yang dibekalkan adalah menentukan sesuatu sumber yang diberi dapat digunakan dengan baik dan sebaliknya. Dalam kajian ini, kegunaan platform VLE frog guru sekolah rendah adalah tertumpu kepada cara penggunaan, kekerapan serta penyelesaian masalah semasa penggunaan.





1.10.2 Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pengetahuan adalah satu cabang ilmu yang perlu ada, dicari dan diketahui untuk membentuk sahsiah dan tingkah laku individu. Pengetahuan merujuk terhadap sesuatu yang dimaklumi dan difahami oleh manusia, secara sistematik. “Sesuatu yang sampai ke dalam diri insan dan memberi makna dalam kehidupan”. Dalam kajian, pengetahuan merujuk kepada ilmu pengetahuan, kefahaman dan pengalaman menggunakan platform VLE Frog.

1.10.3 Minat



Minat merujuk seseorang yang mempunyai hasrat atau keinginan dan perhatian terhadap sesuatu yang mendalam. Minat adalah pendorong yang menyebabkan seseorang memberikan perhatian terhadap orang, sesuatu, aktiviti yang perlu dilakukan. Dalam kajian, minat adalah berkaitan dengan keyakinan, kegemaran, sikap dan kesediaan.

1.10.4 Kesediaan Sumber

Kesediaan sumber ditakrifkan sebagai bahan dan kelengkapan yang disediakan untuk kegunaan dalam sesuatu aktiviti. Kesediaan sumber dalam kajian merupakan langkah awal yang paling penting untuk guru menjayakan pengajarannya. Dengan sumber yang mencukupi dan tersedia, guru boleh





menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan. Kesediaan sumber dalam kajian ini adalah berfokus kepada kemudahan asas, latihan, perkongsian maklumat dan kerjasama pentadbir.

1.10.5 Platform VLE Frog

Virtual Learning Enviroment (VLE) Frog adalah satu platform pembelajaran yang menggunakan web yang hampir sama dunia pembelajaran sebenar dengan menggabungkan kaedah pengajaran konvensional dengan kaedah maya. Dalam *Virtual Learning Enviroment* (VLE) Frog, guru dan murid boleh menjalankan pengajaran, pembelajaran, aktiviti tanpa perjumpaan dengan menggunakan teknologi jaringan web di mana sahaja tanpa mengira masa dan tempat. Guru dan ibu bapa boleh mengawasi perkembangan murid yang berkaitan dengan pelajaran melalui teknologi ini. Dalam kajian ini, adalah mengenal pasti minat guru sekolah rendah dalam penggunaan platform VLE Frog dengan sumber yang disediakan.

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan berkenaan kajian yang akan dijalankan. Latar belakang kajian berkenaan penggunaan platform VLE Frog telah dipaparkan untuk memberi gambaran awal tentang penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru. Kerangka konsep kajian telah dibina untuk menentukan asas dan hala tuju kajian ini. Walaupun terdapat kajian yang telah dijalankan berkenaan





penggunaan platform VLE Frog dalam pelbagai aspek, namun belum ada kajian dijalankan dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Petaling Perdana sehingga kini. Hal ini kerana, pelaksanaan platform VLE Frog pada awalnya adalah secara berperingkat-peringkat di daerah Petaling Perdana dan dianggap masih baru. Dengan itu, kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap penggunaan platform VLE Frog dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Petaling Perdana.

